

## [KUALA LUMPUR: ROLE OF HAJI ABDULLAH HUKUM]

### KUALA LUMPUR: PERANAN HAJI ABDULLAH HUKUM

Sulhie Sufia Mahathir  
*sulhiesufia99@gmail.com (Corresponding Author)*  
Centre for Arabic Language and Islamic Civilization  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Farid Mat Zain  
*farid@ukm.edu.my*  
Centre for Arabic Language and Islamic Civilization  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

#### ABSTRAK

Selepas merdeka pada tahun 1957, Kuala Lumpur merupakan aset negara yang paling bernilai. Kuala Lumpur yang membangun maju pada zaman sekarang adalah hasil daripada usaha tokoh-tokoh yang berhabisan mempertahankan tanah air. Haji Abdullah Hukum merupakan antara perintis yang terlibat dalam pembangunan Kuala Lumpur pada tahun 1880-an dan beliau turut membuka kawasan Pudu-Bukit Bintang serta Sungai Putih yang kini dikenali sebagai Bangsar. Hasil daripada kerajinan Haji Abdullah Hukum dalam membangunkan Kuala Lumpur melalui ekonomi. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti sejauh mana peranan Abdullah Hukum dalam perkembangan di Kuala Lumpur. Kajian ini telah menggunakan kaedah pensejarahan dan analisis kandungan iaitu menghimpunkan bahan-bahan rujukan dan maklumat yang didapati melalui internet. Bagi mengukuhkan lagi maklumat kajian, pengkaji turut menggunakan kaedah kajian lapangan dan temubual. Pengkaji telah mengunjungi kawasan kajian dan menemubual responden untuk mendapatkan maklumat secara lebih terperinci. Kajian ini mengupas dan menjelaskan peranan Abdullah Hukum yang dapat mengembangkan Kuala Lumpur menerusi masyarakat yang menetap di Bangsar yang majoritinya adalah kaum Melayu. Haji Abdullah Hukum membuka ruang kepada masyarakat Melayu untuk menaikan taraf mereka melalui ekonomi dengan pembukaan Bangsar dan hasil daripada temu bual bersama Haji Muhamad Rahman yang merupakan penduduk asal di Kampung Haji Abdullah Hukum.

**Kata Kunci:** peranan, Abdullah Hukum, Kuala Lumpur, sumbangan,

#### ABSTRACT

*After independence in 1957, Kuala Lumpur was the nation's most valuable asset. Kuala Lumpur, which is developing in the present age, is the result of the efforts of figures who fought to defend the motherland. Haji Abdullah Hukum was one of the pioneers involved in the development of Kuala Lumpur in the 1880s and he also opened the Pudu-Bukit Bintang area and Sungai Putih which is now known as Bangsar. The result of Haji Abdullah Hukum's craft in developing Kuala Lumpur through the economy. The objective of this study is to examine the extent of Abdullah Hukum's role in the development of Kuala Lumpur. This study has used the method of historiography and content analysis, which is to gather reference materials and information found through the internet. In order to further strengthen the research information, the researcher also used field research and interview methods. The researcher visited the study area and interviewed respondents to obtain more detailed information. This study examines and explains the role of Abdullah Hukum who was able to develop Kuala Lumpur through the community living in Bangsar, the majority of whom are Malays. Haji Abdullah Hukum opened space for the Malay community to upgrade themselves through the economy with the opening of Bangsar and an interview with Haji Rahman who is a resident of Haji Abdullah Hukum's village*

**Keywords:** *role, Abdullah Hukum, Kuala Lumpur, contribution*

*Article Received:*  
27 February 2023

*Article Reviewed:*  
3 November 2023

*Article Published:*  
2 Disember 2023

## PENGENALAN

Berdasarkan kajian oleh Gullick (1955), dalam bukunya berjudul *Kuala Lumpur 1880-1895*, Kuala Lumpur dibina pada tahun 1857 dan terletak di muara sungai Gombak dan Sungai Klang. Raja Abdullah membuka lembah Klang bagi perlombongan bijih timah. Seramai 87 penggali Cina menuju ke Sungai Klang dan memulakan penjelajahan di kawasan Ampang yang ketika itu merupakan kawasan hutan. Walaupun daripadanya mati akibat terkena wabak, kaedah penambangan biji Timah yang semakin meningkat telah dibuat. Perlombongan ini telah menarik perhatian ramai peniaga yang memperdagangkan keperluan asas kepada pelombong untuk mendapatkan bijih timah. Peniaga mendirikan kedai di muara Klang dan Gombak. Oleh itu, lahirlah sebuah bandar. Sejarah tentang Haji Abdullah Hukum yang merupakan salah seorang panglima kerajaan negeri Selangor dan menetap lama di Kuala Lumpur. Haji Abdullah Hukum juga secara langsung melibatkan diri dalam perkembangan Islam di dalam Kuala Lumpur dan menunjukkan bahawa Haji Abdullah Hukum merupakan individu yang penting yang diangkat sebagai tokoh kemajuan dan perkembangan Islam di Kuala Lumpur. Haji Abdullah Hukum atau dikenali sebagai Muhammad Rukun dan Arya Jaya mengikut adat dan terkenal dengan gelaran 'Datuk Dagang Dianjuk.' Beliau antara individu yang menetap lama di Kuala Lumpur dan juga terawal dalam Kuala Lumpur. Beliau tinggal di Kuala Lumpur selama 85 tahun dan berperanan dalam mengembangkan Islam di Kuala Lumpur.

## LATAR BELAKANG HAJI ABDULLAH HUKUM

Penulisan *Kuala Lumpur dari Perspektif Haji Abdullah Hukum* mengisahkan tentang seorang individu yang bernama Haji Abdullah Hukum yang dilahirkan pada tahun 1835 dan digelar sebagai Haji Abdullah Hukum selepas beliau mengabdikan diri di Makkah. Nama itu kekal sehingga akhir hayatnya. Nama bapanya Sekancing yang bermaksud 'kunci pintu' dan digelar sebagai Tok Pangku. Di Arafah, nama beliau ditukar kepada Haji Abdul Rahim. Haji Abdullah Hukum merupakan juak bagi Raja Mahmud bin Sutan Muhammad yang merupakan waris Selangor yang menjadi Ahli Majlis Selangor pada waktu itu. Pada usia 15 tahun, beliau dan ayahnya pergi ke Tanah Melayu dan berniaga pada tahun 1850. Tinggal di Melaka selama tiga malam di rumah Datuk dagang Haji Said bapa mertua Tambi Abdullah (Adnan, 1997).

Haji Abdullah tinggal di Tanah Melayu sejak sekian lama dan mengalami dua era yang berbeza, iaitu era 'keris dan senjata pendek' di bawah pemerintahan Melayu. Selama lebih dari 20 tahun, dan 60 tahun di bawah pemerintahan kolonial Inggeris. Dalam tempoh ini, dia mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti penghidupan. Pada mulanya, dia bekerja dengan Sutan Puasa untuk menarik tali air di Segambut (Batu Lima di Setapak), (Shapiza, 2015) kemudian di Setapak selama beberapa tahun. Tidak lama kemudian, dia menjadi petani dan kontraktor, membangun perbatasan raja pedang. Haji Abdullah Hukum juga merupakan rombongan pegawai negeri Selangor Raja Mahmud bin Tengku Panglima Raja. Beliau juga memainkan peranan dan mengambil bahagian dalam beberapa perang di Selangor sehingga tahun 1870an (Adnan, 1997).

Di samping itu, dia pernah menjadi peniaga kain di Semenyih dan membuka tanah dan kampung Pudu dengan izin Raja Laut (ketika itu Raja Muda di Selangor). Haji Abdullah Hukum dilantik oleh Raja Laut sebagai penghulu Masjid di Pudu. Dia digelar sebagai

kapten, dan pekerjaannya yang dibayar adalah mengambil dari Klang ke Kuala Lumpur dengan kapal, dan kemudian membeli kerbau dari Pahang ke Kuala Lumpur. Selain itu, dia juga mendapat izin untuk membuka kebun di Bukit Nenas dan membuka kawasan luar bandar Sungai Putih (sekarang di Jalan Bangsar). Akhirnya, dia menetap di Sungai Putih, sebuah kampung yang sekarang dikenali sebagai Kampung Haji Abdullah Hukum. Dia dilantik oleh Sultan Abdul Samad (1857-1898) sebagai salah seorang pemimpin masyarakat di Kuala Lumpur, dengan gelaran Dagang Dianjuk. Ketika berusia hampir 80 tahun (1912), beliau membuat keputusan memohon untuk bersara dari jawatan ketua dan mendapat pencen dari kerajaan (Adnan, 1997).

Haji Abdullah Hukum melahirkan seorang anak lelaki sebelum berlakunya penjajahan Jepun di Tanah Melayu. Beliau adalah seorang ahli perniagaan yang kaya dari Haji Mahmood. Pada tahun 1930an, Haji Mahmood mempunyai dua anak lelaki, Hashim dan Rahim. Orang berpendapat bahawa Haji Abdullah Hukum sangat menyukai kedua cucunya.

## **SUMBANGAN HAJI ABDULLAH HUKUM DALAM PEMBANGUNAN KUALA LUMPUR**

### **Peranan Haji Abdullah Hukum dalam Pembangunan Ekonomi**

Haji Abdullah Hukum mengembangkan Islam di Kuala Lumpur menerusi kegiatan ekonomi. Beliau pergi ke Raja Laut (Putera Raja Mohammed) untuk meminta sebidang tanah di Kampung Baru. Raja Laut menulis sepucuk surat untuk membuka tanah di Pudu dan menjadi pemimpin masyarakat di sana. Ramai orang Kerinchi mengikutinya dan tinggal di Pudu, yang sekarang dikenali sebagai Bukit Bintang. Haji Abdullah Hukum dan pengikutnya melakukan kegiatan menanam sayur, tebu, pisang, kacang sirih dan sawah. Haji Abdullah Hukum telah berkhidmat sebagai ketua kampung di sana selama tujuh tahun. Haji Abdullah Hukum juga menjadi kapten, dan membayar gaji untuk menaiki kapal dari Klang ke Kuala Lumpur dengan makanan. Sebagai contoh empat puluh ringgit ditukarkan kepada sebungkus beras. Selepas kawasan Cape Town, Haji Abdullah Hukum menerima surat izin dari Raja Mahmood (Putera Sultan Mohammed) untuk membuka kebun di Bukit Nanas. Dia juga mendapat izin dari Maxwell dan Raja Laut membuka Sungai Putih.

Sejak tahun 1859, penduduk Kuala Lumpur semakin meningkat. Ketua Melayu mula menggunakan pekerja Cina untuk membuka kawasan perlombongan berhampiran Kuala Lumpur, terutama di Ampang (Chong, 1985). Hasilnya, orang Cina juga mula terlibat dalam perniagaan. Yap Ah Loy, kapten China (1868-1885) memiliki kira-kira separuh daripada kedai di Kuala Lumpur. Menurut Gullick, sehingga awal tahun 1880an, orang Melayu hanya mempunyai 70 daripada 220 kedai di tangan mereka. Menurut Haji Abdullah Hukum, orang Melayu kaya daripada orang Minangkabau pada masa itu. Selain komuniti komersial, orang Melayu juga telah membuka beberapa kawasan perumahan dan kebun di Kuala Lumpur. Antaranya ialah Setapak, yang sebelumnya dikenali sebagai Sungai Tapak, yang terletak di Pudu, Bukit Nenas, Petaling, Batu dan Sungai Putih (Jalan Bangsar) (Adnan, 1997).

Haji Abdullah Hukum membuka Kampung Kerinchi secara rasmi pada tahun 1890an dan meneroka Sungai Putih atau sekarang dikenali sebagai Jalan Bangsar. Kampung Kerinchi terkenal dengan hasil tanaman sayuran dan buahan menjadi sumber rezeki kepada penduduk kampung, dan masyarakat Melayu mula menggunakan pertanian sebagai sumber kehidupan seharian. Hasil usaha penerokaan Abdullah Hukum dan pengikutnya, Kampung Kerinchi menjadi perkampungan utama dan terluas di Kuala Lumpur. Mulai tahun 2005, beberapa projek perumahan di kawasan lingkungan berhampiran Kampung Kerinchi mula mengalami transformasi pembangunan yang drastik. menjalankan kegiatan menanam nenas sebagai aktiviti pertanian mereka. Oleh itu, nama

Bukit Nanas telah diberikan sempena kegiatan penanaman nenas yang banyak di situ oleh orang-orang Kerinchi. Penerokaan orang Kerinchi di Bukit Nanas dapat dibuktikan dengan surat lantikan yang dibuat oleh Penghulu Kuala Lumpur kepada Haji Abdullah Hukum. (Selangor Secretariat 1668/1922).

Bahasa-nya adalah kita Raja Mahmood ibni almorhum Sultan Mohamed Selangor. Penghulu mukim Kuala Lumpur serta penolong kita Raja Hussin ibni Ra-ja Indut, telah mengangkat Haji Abdullah Hukom bin Haji Abdul Rahim, menjadi Datok Dagang di-dalam da'erah Bukit Nanas daripada bangsa Kerinchi dan Jambi sekalian-nya. Maka hendak lah merika<sup>2</sup>, yang tersebut itu mengi-kut, apa apa yang menjadi jalan kebajikan diatas diri masing<sup>2</sup>, yang diperbuat oleh Dato Dagang seperti nasehat<sup>2</sup>, yang tersebut di-bawah ini.

Lam Seng Fatt (2000), berkata bahawa penerokaan yang dilakukan oleh Haji Abdullah Hukum dan orang Kerinchi pada abad ke-19, "*Kampung Kerinchi, situated beside the Federal Highway near University Malaya, was founded by a group of Sumatrans from Kerinchi in 1890s.*" Pernyataan ini sudah cukup jelas membuktikan bahawa sebelum membuka kawasan di Kampung Kerinchi, orang Kerinchi sudah pun menjadi peneroka terawal di Kuala Lumpur disamping turut menyumbang kepada pembangunan Kuala Lumpur melalui aktiviti yang dijalankan. Selepas mereka meneroka di Bukit Nanas, orang Kerinchi telah mengembangkan pengaruh mereka di kawasan lain sekitar Kuala Lumpur terutamanya di Pudu, Kampung Kerinchi, Sungai Putih (Kampung Haji Abdullah Hukum) dan Petaling Jaya.

Kampung Kerinchi yang dibuka secara rasmi sekitar tahun 1890an oleh pembesar Melayu bernama Haji Abdullah Hukum dan pengikutnya dengan kebenaran Raja Laut untuk menerokai kawasan Sungai Putih yang sekarang dikenali sebagai Jalan Bangsar, selain nenas, Kampung Kerinchi juga terkenal dengan aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan seperti nangka, serai, daun rami, beras dan getah. Tanaman dijual kepada individu malah dihantar ke pasar sekitar Kampung Kerinchi di gerai-gerai kecil. Ia kemudiannya menjadi pekerjaan kebanyakan peneroka, malah penduduk tempatan mempelajari selok-belok pertanian untuk mencari rezeki.

### **Peranan Haji Abdullah Hukum melalui Pengajaran dan Pendidikan**

Haji Abdullah Hukum juga merupakan individu yang mahir dalam bidang keagamaan. Menurut Md Yusof Omar (2008) dan Hajah Sapiah (2008) cucu Abdullah Hukum berkata, Haji Abdullah Hukum merupakan seorang yang berpengetahuan dalam bidang agama. Beliau banyak menelaah buku-buku agama dan juga fasih dalam berbahasa Arab. Haji Abdullah Hukum juga mahir dalam ilmu-ilmu agama dan mengajar masyarakat khususnya di Kerinci dan masyarakat sekitar Kuala Lumpur. Beliau juga mempunyai ramai anak murid yang belajar agama bersamanya dalam ilmu-ilmu agama dan menjadi bahan rujukan dalam bidang agama Islam. Haji Abdullah Hukum juga terkenal dan dihormati oleh setiap masyarakat kerana ilmu dan kealiman dirinya dalam Agama. Abdullah Hukum juga banyak memberikan nasihat yang dan masyarakat memberikan kepercayaan kepada beliau.

### **Penyatuan Tiga Bangsa di Kuala Lumpur**

Haji Abdullah Hukum juga berperanan dalam menyatukan tiga bangsa utama seperti Melayu, Cina dan India dengan membuka Bukit Candi Putra iaitu Bukit Putera, yang menempatkan kompleks Angkasapuri dan kampung Kerinchi. Dengan persetujuan Penghulu dan Datuk Dagang, Haji Abdullah Hukum dilantik sebagai ketua kampung Sungai

Putih. Setelah Haji Abdullah Hukum dilantik secara rasmi sebagai ketua kampung dan penghulu, beliau menghentikan perniagaan kerbau kerana peningkatan beban kerja. Untuk menyatakan penghargaan atas kejayaannya, dia menamakan kesatuan tiga perlumbaan utama Jalan Bangsa. Kemudian menjadi Bangsar. Ketika perang antara Selangor dan Pahang meletus, Sultan Abdul Samad meminta Haji Abdullah Hukum untuk membantu memerangi musuhnya dan melantik Haji Abdullah Hukum, yang juga Datuk Dagang, sebagai panglima perang (Adnan, 1997).

Haji Abdullah Hukum dilantik menjadi ketua diatas persetujuan penghulu dan tuan kolektor seterusnya digelar sebagai orang Datuk Dagang yang pada masa sekarang digelar sebagai Tuk Empat. Beliau menjadi orang yang penting dan menyelesaikan masalah perbalahan di situ. Pada tahun 1905, Haji Abdullah hukum sering membantu polis untuk menangkap pencuri dan penceroboh sekaligus juga menjaga kampung ketika beliau tinggal dan menetap di Kuala Lumpur. Ketua polis pada waktu itu yang bernama Cuscaden meminta bantuan dan memberi penghargaan untuk mengenang jasa beliau kerana membantu menangkap pencuri yang pada waktu itu yang melakukan jenayah (Adnan, 1997).

Walaupun Kuala Lumpur menjadi lebih maju dan berkembang pesat setelah campur tangan Inggeris pada tahun 1875, penduduk Melayu juga berjaya berkongsi pembangunan Kuala Lumpur sejak awal tahun 1850an telah ditinggalkan oleh pembangunannya. Kuala Lumpur yang semakin maju akan membuka penempatan baru di pinggir bandar, masjid-masjid Melaka yang dimiliki oleh orang-orang Melayu.

Di Kuala Lumpur, dua masjid di bina untuk menampung masyarakat melayu, tetapi masjid ini akhirnya diambil alih oleh masyarakat India Muslim, dan sejak itu (terutama pada tahun 1930-an), masjid ini disebut dan dinamakan Masjid Gilling atau Masjid Chulia. Orang Minangkabau pada masa itu juga membangun dan mendirikan masjid lain, yang berdekatan dengan bangunan Gian Singh pada tahun 1930-an. Oleh kerana masyarakat Melayu di Kuala Lumpur mempunyai dua masjid, berlakunya perselisihan dan perbalahan akibat daripada semua orang yang ingin mengadakan perjumpaan solat Jumaat di masjid. Hal ini hampir menyebabkan pergaduhan besar di antara masyarakat Melayu pada waktu itu. Tetapi apabila keadaan ini di bawah campur tangan Sultan Abdul Samad, solat Jumaat diadakan secara bergantian dan bersilih ganti mengikut giliran sehingga salah faham itu dapat diselesaikan. Sejak Kuala Lumpur dibuka pada tahun 1890an, Bukit Nenas telah menjadi wakil kepada pusat masyarakat Melayu. Sekiranya ada perayaan tradisional, seperti pelantikan ketua atau jurucakap dengan masyarakat, maka ia akan diadakan di Bukit Nenas. Ini termasuk pelantikan Tuk Alam Setapak, Tuk Bela Sungai Cantik, Imam Perang Muhammad Arif, Raja Utih dan Tuk Dagang Dianjuk, Haji Abdullah Hukum (Adnan, 1997).

Haji Abdullah Hukum dilantik menjadi ketua diatas persetujuan penghulu dan tuan kolektor seterusnya digelar sebagai orang Datuk Dagang yang pada masa sekarang digelar sebagai Tuk Empat. Beliau menjadi orang yang penting dan menyelesaikan masalah perbalahan di situ. Pada tahun 1905, Haji Abdullah hukum sering membantu polis untuk menangkap pencuri dan penceroboh sekaligus juga menjaga kampung ketika beliau tinggal dan menetap di Kuala Lumpur. Ketua polis pada waktu itu yang bernama Cuscaden meminta bantuan dan memberi penghargaan untuk mengenang jasa beliau kerana membantu menangkap pencuri yang pada waktu itu yang melakukan jenayah (Adnan, 1997).

Menurut Haji Abdullah Hukum, aktiviti kemasyarakatan dan keramaian yang dijalankan di Bukit Nenas. Keramaian yang dianjurkan oleh masyarakat dan penduduk kampung Ketika itu juga memberikan impak yang positif untuk menyatupadukan penduduk pada waktu itu. Haji Abdullah Hukum mengetuai keramaian tersebut. Dalam keramaian yang diadakan selama tujuh hari tujuh malam itu diadakan pelbagai acara termasuk pencak silat, gelanggang judi, sabung ayam pun ada dengan menjamu berpuluh-puluh ekor kerbau. Mereka yang dilantik orang besar ialah Tuk Setapak, Tuk Bela Sungai Cantik, Imam Perang

Muhammad Arif, Raja Utih dan Haji Abdullah Hukum. Penyatuan penduduk masyarakat terbentuk hasil daripada usaha Haji Abdullah Hukum sebagai ketua dan penghulu di kampung yang terletak di Kuala Lumpur pada waktu itu (Awang, 1997).

## KESIMPULAN

Haji Abdullah Hukum dan Kuala Lumpur merupakan nama yang tidak asing lagi. Peranan Haji Abdullah Hukum di dalam pembukaan Kuala Lumpur dan perkembangan di Kuala Lumpur yang menjadikan Kuala Lumpur maju seperti sekarang. Yap Ah Loy acap kali digemburkan dalam pembangunan Kuala Lumpur tetapi, Haji Abdullah Hukum juga merupakan individu yang bertanggung jawab dalam perkembangan di Kuala Lumpur. Walaupun nama Haji Abdullah Hukum ini jarang disebut dan tidak dikenali khususnya pada zaman moden ini. Justeru itu, usaha yang dilakukan untuk masyarakat mengenali dan memahami perkembangan Kuala Lumpur yang telah dilakukan oleh Haji Abdullah Hukum. Pada masa ini, nama Haji Abdullah Hukum hanya tercatat dalam nama stesen LRT Kampung Haji Abdullah Hukum dan Abdullah Hukum. Ramai orang tidak mengetahui kaitannya dengan sejarah Selangor dan Kuala Lumpur. Oleh itu, usaha siasatan lebih lanjut harus dilakukan mengenai keturunan dan Sejarah untuk mengelakkan sejarah negara kita akan terus dilupakan. Kini, Kampung Abdullah Hukum di pusat Kuala Lumpur telah mengalami banyak perubahan. Harga tanah dan kediaman di sana telah meningkat puluhan kali. Tidak ada lagi sawah atau kebun sayur. Sungai Klang, yang menjadi terusan di Kampung Haji Abdullah Hukum, bukan lagi sungai yang asli. Sungai ini digunakan untuk mengelilingi sebahagian Jalan Syed Putra dan kini menjadi pusat Beli-Belah Mid Valley. Menghormati jasa dan dedikasi Abdullah Hukum, Sultan Abdul Samad mengurniakan baginda seperempat ekar tanah. Tanah tersebut terletak berhampiran Sungai Klang dan merupakan kawasan strategik untuk pertanian dan perhubungan. Di samping itu, Abdullah Hukum diberi kuasa untuk menyelesaikan masalah penduduk kampung dan kawasan sekitarnya. Abdullah Hukum menjadikan kawasan itu sebagai perkampungan tetap bagi pengikutnya. Kampung itu dinamakan Kampung Haji Abdullah Hukum beserta namanya. Apabila Abdullah Hukum datang ke kampung itu pada tahun 1890an, pekerjaan utama penduduk di sana ialah sawah padi dan bercucuk tanam. Abdullah Hukum kembali ke Sumatera pada tahun 1929 selepas berkhidmat sebagai ketua kampung selama tujuh atau lapan tahun. Sumbangan beliau dalam mengembangkan Islam di Kuala Lumpur adalah dengan berdakwah melalui perniagaan dan ilmu agama yang dimiliki beliau. Tapak rumah Abdullah Hukum sekarang telah dinaiktaraf dan sebuah masjid yang bernama Abdullah Hukum dibina.

## RUJUKAN

- Bungo, N. & Hussin, N. 2011. Merantau ke Kuala Lumpur: Tradisi Merantau dan Berdagang Masyarakat Minang. *Malaysian Journal of Society and Space*. 7, 116-131.
- Bustami, M.K. & Abd. Razak, M.R. (2019). Stesen Keretapi Kuala Lumpur: Sejarah dan Kesan Terhadap Pembangunan Ekonomi Kuala Lumpur (1886-1911). *Jurnal Wacana Sarjana*. 3, 1-17.
- Chew, E. (1984). Frank Swettenham and Yap Ah Loy: The Increase of British Political 'Influence' in Kuala Lumpur, 1871-1885. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 57, 70-87.
- Chong, S.F. (1984). Yap Ah Loy Sebagai Kapitan Cina, Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 13, 93-117.
- Fatt, L.M. (2000). *Insider's Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Times Media Private Limited.

- Gullick, J.M. (1955). Kuala Lumpur, 1880-1895. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 28, 1-172.
- Gullick, J.M. (1956). *The Story of Early Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: D. Moore.
- Gullick, J.M. (1994). *Old Kuala Lumpur*. USA: Oxford University Press.
- Haji Muhamad Rahman. 2023. Sejarah Kampung Haji Abdullah Hukum. Kuala Lumpur. Temu Bual, 23 Februari
- Hassan, M.A. 1972. *Sultan Abdul Samad*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Isa, M. & Kaur, M. (2005). *Kuala Lumpur Street Names: A Guide to Their Meanings and Histories*. Marshall Cavendish International (Asia).
- King, R. 2008. *Kuala Lumpur and Putrajaya: Negotiating Urban Space in Malaysia*. Melbourne: Asian Studies Association of Australia.
- Lubis, A.R. (2018). *Sutan Puasa: Founder of Kuala Lumpur*. Penang: Areca Books.
- Middlebrook, S.M. & Gullick, J.M. (1983). *Yap Ah Loy, 1837-1885*. Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- Nawang, A. (1997). *Kuala Lumpur dari Perspektif Haji Abdullah Hukum*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Sahad, M.N. & Sa'ari, C.Z. 2011. Sejarah Sistem Pendidikan Islam di Kuala Lumpur. *Journal of Al-Tamaddun*. 6, 1-27.
- Sharif, S. & Mohd Nor, A. 2015. The Mandailing and Minangkabau Communities in Kuala Lumpur During the 19<sup>th</sup> Century. 9<sup>th</sup> International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI 9), 15-16 September, Yogyakarta, Indonesia.
- Shuid, S. 2004. Urbanization and Housing in Kuala Lumpur City Centre: Issues and Future Challenges. 19<sup>th</sup> Earoph World Planning and Housing Congress 2004, Melbourne, Australia.
- Siregar, S.A. 2018. *Pendiri Kuala Lumpur*. t.tp.:tp
- Watson, C.W. (1982). Rawa and Rinchi: A Further Note. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 55, 82-86.